

Iftar 'harmoni' dapat sambutan baik

Oleh HISHAM HAMBARI

mhisham@sph.com.sg

MAJLIS iftar anjuran Pusat Harmoni di Masjid An-Nahdhah di Bishan semalam mendapat sambutan luar jangkaan – lebih 250 orang berbilang kaum dan agama menyertainya walaupun 120 dijangka.

Mengenai sambutan baik itu, ketua pusat itu, Encik Muhammed Haniff Abdul Razak, berkata semakin banyak badan agama dan individu ingin turut serta setelah berita mengenai majlis itu semakin tersebar.

“Apabila semakin ramai mendengar kami menganjurkan majlis iftar ini, semakin ramai menelefon dan menghantar e-mel berkata mereka ingin turut serta.

“Susah bagi kami menolak, tetapi ia sesuatu yang menyenangkan kerana memang tujuan kami ingin mengeratkan hubungan antara kaum dan agama,” ujarnya.

Majlis itu disertai pemimpin berbilang agama, masyarakat dan belia, termasuk wakil pertubuhan berbilang agama dan anggota Pertubuhan Antara Agama (IRO).

Menteri Negara Kanan (Ehwal Dalam Negeri me-



FOTO: JOHARI RAHMAT

BERBILANG KAUM, SATU MEJA: Profesor Ho (dua dari kiri) dan Presiden Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), Haji Mohd Alami Musa (dua dari kanan), serta pemimpin berbilang agama duduk semeja di majlis iftar di Pusat Harmoni.

rangkap Undang-Undang), Profesor Madya Ho Peng Kee, tamu terhormat majlis itu.

Imam Masjid Ba'alwie, Habib Hassan Al-Attas, pula menyampaikan ceramah mengenai peri penting Ramadan.

Presiden Persatuan Sikh

Muda (YSA), Encik Her-naikh Singh, berkata setiap peluang untuk berinteraksi harus dimanfaatkan.

“Di kampung dulu kami ada banyak peluang berinteraksi dengan jiran berbilang kaum dan agama. Tetapi zaman sekarang kurang peluang semula jadi seperti itu.

“Oleh itu apabila ada pelu-

ang seperti ini ia harus dimanfaatkan sepenuhnya,” ujarnya.

Seorang penganut Roman Katolik dari Gereja Saint Vincent De Paul, Encik Ivan Spencer Wong, berkata majlis iftar itu peluang baik untuk beliau dan keluarganya memahami erti sebenar Ramadan dan Islam.